

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KES NO. 7/4-1808/07

DI ANTARA

YEW CHIUN WING

DENGAN

KLENCO (M) SDN. BHD.

AWARD NO: 971 TAHUN 2010

Di hadapan : **TUAN HAMDAN BIN INDAH** - PENERUS
(Bersidang Berseorangan)

Tempat : Mahkamah Perusahaan, Kuala Lumpur.

Tarikh Rujukan : 25.7.2007

Tarikh Perbicaraan: 9.12.2009, 29.1.2010 & 8.6.2010.

Tarikh Sebutan : 6.11.2007, 7.1.2008, 27.2.2008,
12.3.2008, 14.4.2008, 9.6.2008,
8.7.2008, 14.1.2009, 16.2.2009,
18.5.2009, 15.6.2009, 9.11.2009
4.3.2010 & 31.3.2010.

Perwakilan : Encik Peter Kandiah dari M.T.U.C
Pihak Yang Menuntut.

Encik Mahendra Mahason
Peguambela untuk Tetuan Loh & Co.
Mewakili Pihak Syarikat.

Rujukan:

Ini adalah satu rujukan di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bersabit dengan pembuangan kerja **Yew Chiun Wing** (selepas ini disebut sebagai "Yang Menuntut") oleh **Klenco (M) Sdn. Bhd.** (selepas ini disebut sebagai "Syarikat").

AWARD

Yang Menuntut telah dilantik sebagai Pengurus Besar kepada Klenco (Malaysia) Sdn. Bhd. (yang selepas ini dikenali sebagai Syarikat) berkuatkuasa mulai 7.4.2003.

2. Yang Menuntut ditawarkan gaji RM7,000.00 sebulan dengan disediakan sebuah kereta dan satu telefon bimbit untuk digunakan bagi menjalankan tugasannya itu.

3. Tugas dan tanggungjawab Yang Menuntut seperti dicatatkan dalam surat lantikan adalah seperti berikut:

“DUTIES AND RESPONSIBILITIES

To manage the company to the best of your ability with the following general, non-exclusive objectives in mind:

- (a) Actively manage the sales team to increase sales and the company's market share for products that we deal in.
- (b) Identify and develop key major accounts.
- (c) Introduce new product lines complementary to the company's core business.
- (d) Manage the overall general operations to maintain and strengthen the company's stability.
- (e) Maximize profitability and cash flow to ensure the company's financial well being.

- (f) Recruit and manage staff to maximize their contribution and at the same time allow them opportunity for development and advancement.
- (g) Undertake other assignments that may arise to achieve the above objectives.”

4. Tempoh percubaan ialah 3 bulan atau lebih panjang jika perlu. Dalam tempoh ini jika berlaku penamatan pekerjaan setiap pihak hendaklah memberi notis seminggu atau sebagai ganti gaji (subject to one week's notice from either side or salary in lieu).

5. Pada 13.1.2005 Syarikat telah menghantar notis menamatkan perkhidmatan Yang Menuntut seperti di muka surat 9 Ikatan Dokumen Syarikat atas alasan berikut:-

“We hereby terminate your employment with the company on the grounds of total breakdown of communication and working relationship with your subordinates as well as your immediate superior.

Furthermore, recent and past actions on your part indicate a poor business and personal sense incompatible with your position and suggest you no longer have the company's best interest at heart.”

6. Surat tersebut ditandatangani oleh Encik Samuel Beh, Pengarah Syarikat dan telah diakui terima oleh Yang Menuntut.

7. Tidak puashati dengan tindakan Syarikat, Yang Menuntut telah merujuk kesnya kepada Y.B. Menteri. Menggunakan kuasanya di bawah s.20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Y.B. Menteri telah merujuk kes ini ke Mahkamah Perusahaan untuk keputusan yang mana telah diterima oleh Pejabat Pendaftaran pada 13.9.2007.

8. Kes ini telah mula dibicarakan pada 9.12.2009 dengan Syarikat memulakan kesnya terlebih dulu. 2 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan iaitu COW-1, Encik Beh Han Khoo Samuel dan COW-2, Puan Lee Yun Kin.

9. Syarikat juga telah memfailkan satu ikatan dokumen yang ditanda sebagai 'B' di mana dokumen tersebut telah dikemukakan sebagai exhibit COB-i hingga COB-13.

10. COW-1, Encik Samuel Beh adalah Pengarah Syarikat yang beribu pejabat di Singapura. Di dalam penyata saksinya yang ditandakan COWS(1), beliau mengatakan sepanjang tempoh perkhidmatan Yang Menuntut, beliau banyak menerima aduan tentang prestasi kerja yang tidak memuaskan. Antaranya pada 23.6.2004 beliau telah dimaklumkan oleh Encik Fong Jung Hoa bahawa semasa melawat Syarikat di Kuala Lumpur, beliau mendapati Yang Menuntut telah melakukan salah mengendalikan (mis handle) Syarikat dalam beberapa perkara. Aduan ini telah dimaklumkan semula kepada Yang Menuntut melalui e-mail pada 2.7.2004 seperti di muka surat 3 Bundle 'B' dan diterima sebagai exhibit COB2.

11. Seterusnya COW-1 mengatakan Yang Menuntut sendiri telah mengaku di dalam e-mailnya bertarikh 3.7.2004 bahawa beliau menghadapi masalah komunikasi dengan pekerjaanya dan berjanji perkara ini tidak akan berulang lagi. Kandungan e-mail tersebut telah dikemukakan sebagai exhibit yang ditanda COB3. Petikan yang berkaitan ialah di perenggan akhir:-

“However I admit it was more and less my mistake to communicate badly, I will try not to let this kind of things happen again, in fact. These few days I am communicate with Ms Lee quite happily.”

12. Selain dari itu COW-1 juga mengesyaki Yang Menuntut telah melakukan perbuatan mendedahkan maklumat sulit Syarikat kepada pihak luar seperti pelanggan yang boleh dihubungi, harga dan speksifikasi keluaran Syarikat. Siasatan dilakukan melalui pemeriksaan talian telefon Yang Menuntut sepertimana e-mail yang dihantar oleh COW-1 kepada Yang Menuntut pada 13.12.2004.

13. Pada 14.12.2004 Yang Menuntut telah membalas e-mail tersebut dan dikemukakan sebagai exhibit COB4. Yang Menuntut mengaku 2 telefon bimbit yang digunakan kepunyaan abang dan sepupunya seperti berikut:

“Dear Samuel,

012-3289731 is my Brother

016-5428483 is my cousin. He is close to me and is running a small timer trading (Chinese medicine) in my home town, in fact, he is selling some of your Envon products and hands rubs too. But quantity is small and slow.

Regards..CW.”

14. Pada pertengahan bulan Desember 2004, COW-1 telah melawat Yang Menuntut di pejabat dan mendapati hubungan kerja Yang Menuntut dengan rakan sekerja dan pekerja bawahan masih tidak baik. COW-1 telah meminta Yang Menuntut untuk membaiki keadaan tersebut.

15. Pada 21.12.2004 Yang Menuntut telah menghantar satu e-mail kepadanya mengadu tentang perilaku rakan sekerja dan pekerja bawahannya. E-mail tersebut telah dikemukakan sebagai exhibit COB5. Beliau telah mengenalpasti 9 orang pekerja yang bermasalah dan tindakan yang telah diambil.

16. Pada 4.1.2005 COW-1 telah menghantar e-mail kepada Yang Menuntut menjawab e-mail yang dihantar pada 21.12.2004. Walaupun COW-1 mengakui sebahagian daripada pengaduan yang dibuat oleh Yang Menuntut, tapi beliau telah menegaskan menjadi tanggungjawab Yang Menuntut untuk mengatasi masalah tersebut.

17. Pada 12.1.2005, COW-1 sekali lagi telah datang ke pejabat di Kuala Lumpur dan telah diberitahu oleh pekerjaanya bahawa Yang Menuntut telah melakukan pembocoran maklumat Syarikat kepada pihak luar.

18. Ekoran dari siasatan yang dilakukan dan aduan yang diterima COW-1 telah mengeluarkan satu surat menamatkan perkhidmatan Yang Menuntut. Surat tersebut telah diakui terima oleh Yang Menuntut pada 13.1.2005.

19. Saksi kedua Syarikat ialah Puan Lee Yun Kin. Dalam pernyataan saksinya beliau mengatakan dia menghadapi masalah semasa bekerja dengan Yang Menuntut. Yang Menuntut bukan sahaja tidak mendengar nasihat dari rakan sekerja tetapi juga selalu melakukan kesalahan tidak boleh berkomunikasi dengan berkesan dan enggan bekerja sebagai satu pasukan.

20. COW-2 adalah saksi langsung (direct witness) kerana beliau bekerja di bawah Yang Menuntut dan melapur diri kepadanya. Beliau juga mempunyai pengetahuan bahawa Yang Menuntut tidak boleh bekerjasama dengan Edwin Fong yang menjadi Regional Sales Manager yang ditugaskan untuk mengawasi syarikat di Malaysia.

Kes Yang Menuntut

21. Untuk kes Yang Menuntut hanya beliau seorang saja yang telah memberi keterangan. Selain dari itu terdapat satu Ikatan Dokumen yang ditandakan 'A'.

22. Di dalam keterangannya Yang Menuntut telah menafikan semua tuduhan yang dikenakan ke atasnya seperti di dalam surat penamatan kerja. Beliau mengesahkan Syarikat berpuashati dengan kerjanya di mana pada 15.3.2003 beliau telah disahkan dalam jawatan.

23. Di dalam penyata saksinya Yang Menuntut telah menyenaraikan sumbangan besarnya kepada Syarikat seperti berikut:

- (a) With less sales people, the sales for the year 2004 was better than the year 2003 and in fact local sales have increased by 30 per cent.
- (b) Even though the Store continues to be manned by only 4 people (and not 5 as I had hoped), the Store Section had performed well at its best.
- (c) The Company nearly lost its top sales person, Ms SK Lee. It was through my intervention, Ms SK Lee stayed on with the Company. She was the top sales person in the Company for the year 2004.
- (d) I was partly responsible for giving Mr. Victor Yap the necessary encouragement to improve and achieve better sales. I am proud to say that Mr. Victor is now doing so well that he is on the way to achieving his sales target.

24. Selanjutnya Yang Menuntut mengatakan masalah yang timbul di dalam Syarikat adalah disebabkan oleh sikap COW-2 yang menjadi Pengurus Pejabat pada masa itu. Beliau mendakwa COW-2 sebenarnya yang tidak boleh bekerjasama dengan pekerja yang lain. Perkara ini telahpun diadukan kepada COW-1 sepertimana e-mail beliau pada 21.12.2004 yang ditanda sebagai COB5.

25. Berdasarkan kepada keterangan kes Syarikat dan kes Yang Menuntut, Encik Peter Kandiah yang mewakili Yang Menuntut telah menghujahkan bahawa Yang Menuntut telah diberhentikan kerja secara tidak adil, tanpa sebab yang sah dan dilakukan secara sewenang-wenangnya. Syarikat juga dikatakan telah melanggar prinsip-prinsip keadilan asasi (natural justice) kerana memberhentikan Yang Menuntut tanpa sebab dan sebelum dari itu Syarikat tidak pernah memberi amaran tentang prestasi kerjanya.

26. Beliau juga menghujahkan alasan salahlaku yang dihidkan oleh Syarikat di dalam penyata balasnya adalah sesuatu yang difikirkan kemudian (afterthought) kerana tidak menjadi alasan dalam surat menamatkan pekerjaannya. Rujukan telah dibuat kepada **Malhotra in the Law of Industrial Dispute 4th Edition** di muka surat 418:-

“The employer cannot justify his action on any ground other than those contained in the charge sheet. If the charges are vague and the particulars of the charges are not disclosed to

the workmen, the inquiry will not be in conformity with the rules of natural justice.”

dan di muka surat 818:-

“The tribunal has to confine itself to the charges levelled against the workman in the charge sheet on the basis of which the penalty was imposed. It is not therefore open to the management to level new charges against the workman before the tribunal which did not form the basis of the order of punishment or did not figure in the domestic inquiry.”

27. Sebaliknya peguam Syarikat menghujahkan bahawa keterangan yang dikemukakan telah membuktikan salahlaku Yang Menuntut. Ini dibuktikan dengan dokumen-dokumen exhibit COB2, COB3, COB4, COB5, COB6, COB7, COB8 dan COB9. Beliau juga menghujahkan Yang Menuntut tidak membantah atas surat penamatan kontrak dan bersetuju untuk berbuat demikian. Kes-kes berikut telah dikemukakan sebagai rujukan:-

- Wong Yuen Hock v. Syarikat Hong Leong Assurance Sdn. Bhd. & Anor [1995] 3 CLJ 344.
- Southern Bank Bhd v. Azmi Ali [2003] 1 ILR 614.
- Guan Fong International Marketing (M) Sdn. Bhd. v. Leong Khing Khok [2008] 1 ILR 299.
- Tee Kim Seng v. Besmindu Kemaman Sementa Sdn. Bhd. - Case No. 13/4-480/06 Award No. 1576/2007.

28. Mahkamah ini setelah meneliti keterangan saksi-saksi Syarikat dan keterangan Yang Menuntut sendiri, menimbangkan hujahan kedua-dua wakil Syarikat dan Yang Menuntut serta merujuk kepada kes-kes yang dikemukakan mendapati keterangan yang dikemukakan oleh Syarikat telah membuktikan kesalahan yang dilakukan oleh Yang Menuntut seperti yang dinyatakan dalam surat berhenti kerja.

29. Mahkamah berpuashati bahawa kebanyakan keterangan Yang Menuntut terutama yang dikemukakan dalam bentuk dokumentasi (e-mail yang dihantar kepada COW-1) adalah merupakan pengakuan Yang Menuntut tentang kegagalan beliau untuk mengawal dan berkomunikasi dengan baik dengan rakan sekerja dan pekerja-pekerja di Syarikat.

30. Adalah pendapat Mahkamah, Syarikat juga telah bertindak mengikut syarat lantikan di para 7 yang berbunyi:-

'After confirmation termination of employment is subject to three month's notice from either side or salary in-lieu of unless agreed by both parties.'

31. Walaupun notis penamatan perkhidmatan Yang Menuntut merupakan notis yang singkat tetapi Syarikat telah menyatakan gaji akan dibayar sehingga 13 April 2005 sebagai ganti 3 bulan notis.

32. Memandangkan Yang Menuntut telahpun dimaklumkan terlebih dulu tentang insiden-insiden yang menyebabkan beliau diberhentikan kerja maka Mahkamah berpendapat tindakan Syarikat adalah mengikut syarat lantikan dan tidak boleh dikatakan tidak adil.

33. Semasa disoal balas oleh peguam Syarikat Yang Menuntut juga mengaku beliau tidak membantah atas surat tersebut:

Q: Put to you, you agree to the termination.

A: No, I was made to sign.

Q: Do you agree after this letter there was no letter or e-mail challenging this letter.

A: I agree. Immediately after this letter I don't sent any letter or e-mail.

34. Bagaimanapun Mahkamah ini setuju dengan hujahan wakil Yang Menuntut bahawa tindakan Syarikat membangkitkan isu salah laku selepas pemecatan adalah merupakan sesuatu yang difikirkan kemudian (afterthought). Justeru Mahkamah ini tidak akan mengambilkira apa-apa keterangan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan selepas tarikh 13.1.2005. Oleh itu tindakan Syarikat untuk menahan gaji 3 bulan sebagai ganti notis adalah bertentangan dengan syarat surat perlantikan dan merupakan pelanggaran janji oleh pihak Syarikat sendiri sebagaimana yang disetujui dalam surat menamatkan kerja.

35. Walaupun Mahkamah memutuskan untuk menolak tuntutan Yang Menuntut seperti diplidkan di perenggan 20 penyata kes, tetapi pada masa yang sama Mahkamah memerintahkan Syarikat untuk membayar tuntutan Yang Menuntut berjumlah RM21,000.00 iaitu gaji 3 bulan sebagai ganti notis berhenti. Bayaran hendaklah dibuat dalam masa 30 hari selepas Award diserahkan dan dibayar melalui wakil Yang Menuntut.

DIPERTURUNKAN PADA 23 JULAI 2010.

(HAMDAN BIN INDAH)
PENGERUSI
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR